



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 23

8hb November 2007

*TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN*

J. P.U. 28.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM (PINDAAN) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa mulai 12 April 2007.

Nama

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 2007**.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 [P.W. 5178], yang disebut “Undang-Undang Kecil Ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda-

(a) Dalam takrif “arkitek”, dengan menggantikan perkataan “yang didaftarkan sebagai arkitek” dengan perkataan “yang didaftarkan sebagai Arkitek Profesional”;

(b) Dalam takrif “jurutera”-

(i) Dengan menggantikan perkataan “yang didaftarkan sebagai Jurutera Profesional” dengan perkataan “yang didaftarkan sebagai Jurutera Profesional”; dan

(ii) Dengan menggantikan perkataan “urusan sebagai seorang Jurutera Profesional” dengan perkataan “urusan sebagai seorang jurutera”;

(c) Dengan memasukkan selepas takrif “lantai mezanin” takrif yang berikut:

‘“orang utama yang mengemukakan” ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan mengikut Undang-Undang Kecil ini dan termasuklah mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu mengikut undang-undang kecil 7;’;

(d) Dengan menggantikan takrif “orang berkelayakan” dengan takrif yang berikut:

‘“orang yang berkelayakan” ertinya seseorang Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftarannya;’;

(e) Dengan menggantikan takrif “orang yang mengemukakan” dengan takrif yang berikut:

‘“orang yang mengemukakan ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan, selain pelan bangunan, kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan mengikut Undang-Undang Kecil ini dan termasuklah mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu mengikut undang-undang kecil 7;’;

(f) Dengan memasukkan selepas takrif “PB” takrif yang berikut:

‘“pelan bangunan” ertinya pelan yang termasuklah pelan tapak, pelan punca, pelan lantai, muka keratan dan tapak bangunan, dan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 8, 9 dan 10;’;

(g) Dengan menggantikan takrif “pelukis pelan bangunan berdaftar” dengan takrif yang berikut:

‘“pelukis pelan bangunan” ertinya mana-mana pelukis pelan bangunan yang didaftarkan di bawah Akta yang berkaitan;’;

(h) Dalam takrif “perakuan siap dan pematuhan”, dengan menggantikan perkataan “25A” dengan perkataan “25”;

(i) Dengan memotong takrif “rumah berasingan yang dibina secara tunggal”, dan

(j) Dengan memasukkan selepas takrif “siling” takrif yang berikut:

‘“syarat teknikal” ertinya syarat yang berkenaan dengan isu kesihatan dan keselamatan yang berhubungan dengan bangunan dan perkhidmatan perlu yang diadakan bagi bangunan itu;’.

Pindaan undang-undang kecil 3

- 3.** Undang-undang kecil 3 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-
- (a) Dalam perenggan (1)(c), dengan menggantikan perkataan “orang-orang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”; dan
 - (b) Dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “orang yang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang megemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 4

- 4.** Undang-undang kecil 4 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-
- (a) Dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan yang menge-mukakannya” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakannya”; dan
 - (b) Dalam perenggan (2) dalam teks Bahasa Kebangsaan, dengan meng-gantikan perkataan “orang berkelayakan itu” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan itu”.

Pindaan undang-undang kecil 5

- 5.** Undang-undang kecil 5 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-
- (a) Dalam teks Bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “submitted by qualified person” dengan perkataan “submitted by a principal submitting person or submitting person”; dan
 - (b) Dengan menggantikan perkataan “orang yang berkelayakan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 6

- 6.** Perenggan 6(1) Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang menge-mukakan atau orang yang mengemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 7

- 7.** Undang-undang kecil 7 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-
- (a) Dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
 - (b) Dalam perenggan (1) dalam teks Bahasa Kebangsaan, dengan meng-gantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;

- (c) Dalam Bahasa Kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan lain” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan yang lain”; dan
- (d) Dalam perenggan 7(2) dalam teks Bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “qualified person’s” dengan perkataan “principal submitting person’s or submitting person’s”.

Pindaan undang-undang kecil 10

8. Undang-undang kecil 10 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-

- (a) Dalam perenggan (1), dengan menggantikan perkataan “semua pelan” dengan perkataan “semua pelan bangunan”; dan
- (b) Dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan”;

Pindaan undang-undang kecil 16

9. Undang-undang kecil 16(2) Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-

- (a) Dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan”; dan
- (b) Dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “orang yang mengemukakannya” dengan perkataan “orang yang mengemukakan itu”;

Pindaan undang-undang kecil 17

10. Undang-undang kecil 17 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “rang berkelayakan” dengan perkataan “orang yang mengemukakan”;

Pindaan undang-undang kecil 20

11. Perenggan 20(3) Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-

- (a) Dengan menggantikan perkataan “orang yang mengemukakannya” dengan perkataan “orang yang mengemukakan”; dan
- (b) Dalam teks Bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “be supported” dengan perkataan “supported”.

Pemotongan undang-undang kecil 23

12. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 23.

Pemotongan undang-undang kecil 24

13. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 24.

Penggantian undang-undang kecil 25

14. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil 25 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Perakuan siap dan pematuhan”

(25) (1) Suatu perakuan siap dan pematuhan dalam borang F sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua hendaklah dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan-

- (a) Apabila semua syarat teknikal yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan telah dipatuhi dengan sewajarnya;
- (b) Apabila borang G 1 hingga G 21 berkenaan dengan perakuan berperingkat sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Kedua telah diperakui dengan sewajarnya dan diterima olehnya;
- (c) Apabila semua perkhidmatan perlu, termasuk jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat sanitari, air dan elektrik, pili bomba, kehendak pembentungan dan pembuangan sampah dan lif bomba jika dikehendaki, telah disediakan; dan
- (d) Apabila dia memperakui dalam Borang F bahawa dia telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya bangunan itu telah dibina dan disiapkan mengikut Akta, Undang-Undang Kecil ini dan pelan yang diluluskan.

(2) Apabila perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan, orang utama yang mengemukakan menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi pengeluaran perakuan siap dan pematuhan itu dan dia memperakui bahawa bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

(3) Orang utama yang mengemukakan hendaklah dalam masa empat belas hari dari pengeluaran perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, mendepositkan suatu salinan perakuan tersebut dan Borang G 1 hingga G 21 dengan pihak berkuasa tempatan dan Lembaga Arkitek Malaysia atau Lembaga Jurutera Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam undang-undang kecil ini boleh menghalang pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis bagi maksud itu, daripada memeriksa apa-apa kerja, bangunan pada mana-mana peringkatnya dan menarik perhatian kepada apa-apa kemungkiran kepada bangunan itu atau ketidakpatuhan dengan undang-undang kecil ini yang didapatinya, memberi notis bertulis kepada orang utama yang mengemukakan yang mengarahkan supaya kemungkiran dan ketidakpatuhan itu dibetulkan.

(5) Tertakluk kepada perenggan (4), pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan untuk menahan pengeluaran perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan atau peraturan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Orang utama yang mengemukakan hendaklah dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima notis yang dikeluarkan menurut perenggan (4) atau apa-apa tempoh lanjutan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, membentulkan kemungkinan atau ketidakpatuhan itu.

(7) Jika orang utama yang mengemukakan telah membentulkan kemungkinan atau ketidakpatuhan itu, dia hendaklah mengeluarkan suatu notis kepada pihak berkuasa tempatan yang mengesahkan bahawa kerja-kerja pembetulan itu telah disiapkan dengan memuaskan.

(8) Apabila menerima notis yang disebut dalam perenggan (7), pihak berkuasa tempatan hendaklah dalam masa empat belas hari dari penerimaan notis itu memeriksa bangunan itu untuk mengesahkan bahawa kemungkinan atau ketidakpatuhan itu telah dibentulkan dengan memuaskan.

(9) Jika pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa kemungkinan atau ketidakpatuhan yang dinyatakan dalam perenggan (4) telah dibentulkan dengan memuaskan, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengeluarkan suatu arahan secara bertulis kepada orang utama yang mengemukakan supaya mengeluarkan perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(10) Jika pihak berkuasa tempatan tidak menjalankan pemeriksaan ke atas kerja-kerja pembetulan mengikut perenggan (8) dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan itu, maka hendaklah disifatkan bahawa pihak berkuasa tempatan berpuas hati bahawa kerja-kerja pembetulan itu telah disiapkan dengan memuaskan.

(11) Jika kemungkinan atau ketidakpatuhan tidak dibentulkan oleh orang utama yang mengemukakan dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (6), pihak berkuasa tempatan sendiri boleh menyebabkan apa-apa kerja dilaksanakan atau apa-apa langkah diambil jika pihak berkuasa tempatan berpendapat bahawa kerja atau langkah itu adalah perlu untuk membentulkan ketidakpatuhan itu.

(12) Kos untuk melaksanakan apa-apa kerja atau mengambil apa-apa langkah yang disebut dalam perenggan (11) hendaklah ditanggung oleh pemunya bangunan.

(13) Perkara siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh dikeluarkan oleh orang utama yang mengemukakan sehingga semua kemungkinan atau ketidakpatuhan berkenaan dengan bangunan itu telah dibentulkan dengan memuaskan.”.

Pemotongan undang-undang kecil 25A

15. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 25A.

Pemotongan undang-undang kecil 26

16. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 26.

Penggantian undang-undang kecil 27

17. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong undang-undang kecil 27 dengan undang-undang kecil yang berikut:

“Perakuan siap dan pematuhan sebahagian”

27. (1) Orang utama yang mengemukakan boleh mengeluarkan suatu perakuan siap dan pematuhan sebahagian dalam Borang F1, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, berkenaan dengan mana-mana bahagian suatu bangunan yang telah siap sebahagian tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan yang difikirkannya perlu bagi sebab kesihatan dan keselamatan awam:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa perakuan boleh dikeluarkan melainkan jika semua perkhidmatan perlu termasuk jalan akses, pandangan darat, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat sanitari, air dan elektrik, pili bomba, kehendak pembentungan dan pembuangan sampah dan lif bomba jika dikehendaki yang diadakan bagi bahagian bangunan yang telah siap sebahagian itu telah disediakan.

(2) Suatu perakuan siap dan pematuhan sebahagian sebaik sahaja dikeluarkan hendaklah tetap berkuatkuasa sehingga keseluruhan bangunan itu siap dan suatu perakuan siap dan pematuhan dikeluarkan menurut undang-undang kecil 27.”

Penggantian undang-undang kecil 28

18. Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan undang-undang kecil yang berikut:

“Kesalahan”

28. (1) Jika orang utama yang mengemukakan gagal mendepositkan suatu salinan perakuan siap dan pematuhan atau perakuan siap dan pematuhan sebahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Borang G 1 hingga G 21 dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 25(3) dengan pihak berkuasa tempatan dan Lembaga Arkitek Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan, dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan gagal mematuhi notis yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan berkenaan dengan pembetulan apa-apa kemungkinan kepada bangunan atau ketidakpatuhan dengan Undang-Undang Kecil ini mengikut perenggan 25(4), dia melakukan suatu kesalahan.

Pindaan undang-undang kecil 29

19. Undang-undang kecil 29 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang-orang” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 48

20. Perenggan 48(1) Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “nombor telefon” perkataan “orang utama yang mengemukakan”.

Pindaan undang-undang kecil 77

21. Perenggan 77(3) Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pada pendapat” perkataan “orang utama yang mengemukakan atau”.

Pindaan undang-undang kecil 246

22. Undang-undang kecil 246 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “orang yang mengemukakan pelan itu” dengan perkataan “orang yang mengemukakan pelan itu”.

Pindaan undang-undang kecil 258

23. Undang-undang kecil 258 Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-

- (a) Dengan menggantikan perkataan “orang berkelayakan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”; dan
- (b) Dalam perenggan (2) dalam teks Bahasa Kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Orang berkelayakan” dengan perkataan “Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”;
- (c) Dalam perenggan (5), dengan menggantikan perkataan “orang” dengan perkataan “orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”; dan
- (d) Dalam perenggan (6) dalam teks Bahasa Kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “Orang yang berkelayakan” dengan perkataan “Orang utama yang mengemukakan atau orang yang mengemukakan”.

Pindaan Jadual Pertama

24. Jadual Pertama Undang-Undang Kecil Ibu dipinda dengan memotong butiran 14.

Pindaan Jadual Kedua

25. Jadual Kedua Undang-Undang Kecil Ibu dipinda-

- (a) Dengan memotong Borang C, D dan E;
- (b) Dengan menggantikan Borang F dengan borang yang berikut:

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG F

PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN

[Undang-Undang Kecil 25]

Tarikh:.....

Kepada:

*

.....

.....

Saya dengan ini mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan untuk bangunan/bangunan-bangunan atas Lot/Lot-Lot.....Seksyen.....Jalan.....Setelah berpuas hati bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu telah siap menurut pelan yang diluluskan No.....bertarikh

Saya telah mengawasi pembinaan dan penyiapan bangunan/bangunan itu dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya kerja/kerja-kerja itu adalah mengikut Akta, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan pelan-pelan yang diluluskan. Saya dengan ini memperakui bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

.....
(orang yang mengemukakan)

1. Butir-butir orang utama yang mengemukakan

Nama:.....

Alamat:

.....

**No. Pendaftaran LAM/LJM:.....

2. Salinan kepada:

1. Pihak Berkuasa Tempatan:.....

(Nama Pihak Berkuasa Tempatan)

2. ** Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)/Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

* *Pemaju, jika ia adalah untuk pembangunan selain rumah berasingan yang dibina secara tunggal atau, pemunya jika ia adalah untuk rumah berasingan yang dibina secara tunggal.*

* *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

_____; dan

3. Dengan memasukkan selepas Borang F borang-borang yang berikut:

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG F 1

PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN SEBAHAGIAN

[Undang-Undang Kecil 27]

Tarikh:.....

Kepada:

*

.....
.....

Saya dengan ini mengeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan Sebahagian untuk bangunan/bangunan-bangunan atas Lot/Lot-Lot.....Seksyen.....Jalan.....Setelah berpuas hati bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu telah siap bagi bahagian yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan mengikut pelan yang diluluskan No.bertarikh.....

Saya telah mengawasi pembinaan dan penyiapan sebahagian bangunan/bangunan-bangunan itu dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya kerja/kerja-kerja itu adalah mengikut Akta, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan pelan-pelan yang diluluskan. Saya dengan ini memperakui bahawa bangunan/bangunan-bangunan itu adalah selamat dan layak untuk diduduki.

.....
(Orang yang mengemukakan)

3. Butir-butir orang utama yang mengemukakan

Nama:.....

Alamat:

.....
*No. Pendaftaran LAM/LJM:.....

4. Salinan kepada:

(a) Pihak Berkuasa Tempatan:.....
(Nama Pihak Berkuasa Tempatan)

(b) ** Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)/Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

* Pemaju, jika ia adalah untuk pembangunan selain rumah berasingan yang dibina secara tunggal atau, pemunya jika ia adalah untuk rumah berasingan yang dibina secara tunggal.

** Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 1

PERAKUAN BERPERINGKAT: KERJA-KERJA TANAH

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan Kerja-Kerja Tanah yang diluluskan No. Ruj.:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
----------------------------	-------------------------	--------------------

(a) Kontraktor_____	(<i>Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan</i>)	Tarikh: _____
---------------------	---	---------------

(b) Orang yang_____ mengemukakan	(<i>Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan</i>)	Tarikh: _____
----------------------------------	---	---------------

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.

* *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 2

PERAKUAN BERPERINGKAT: PEMANCANGAN TANDA

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan kerja-kerja pemancangan tanda bagi bangunan itu dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang diluluskan No. Ruj.:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas kerja-kerja pemancangan tanda itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____	(Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan)	Tarikh: _____
(b) Juruukur Tanah berlesen _____	(Lembaga Juruukur Tanah Malaysia)	Tarikh: _____
(c) Orang utama yang mengemukakan _____	(*Lembaga Arkitek Malaysia/Lembaga Jurutera Malaysia)	Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.
 - * Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 3

PERAKUAN BERPERINGKAT: ASAS TAPAK

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja asas tapak dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang Didepositkan No. Ruj.:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja asas tapak itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____	(Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan)	Tarikh: _____
(b) Orang yang mengemukakan _____	(Lembaga Pembinaan Jurutera Malaysia)	Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.
 - * Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 4

PERAKUAN BERPERINGKAT: STRUKTUR

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/ atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja struktur dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan Struktur yang Didepositkan No. Ruj.:.....dan bahawa kami menerima tanggung-jawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja struktur itu.

Nama (Perseorangan)

#No. Pendaftaran

Tandatangan

(a) Kontraktor _____ (Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan) _____ Tarikh: _____

(b) Orang yang_____ (Lembaga Jurutera Malaysia) _____ Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.
- * Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 5

PERAKUAN BERPERINGKAT: PERPAIPAN AIR DALAMAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja perpaipan air dalaman dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *Pelan yang diluluskan/Pelan yang Didepositkan No. Ruj.:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja perpaipan air dalaman itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred (tukang paip berlesen)	+(<i>Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan</i>)	Tarikh: _____
(b) Orang yang _____ mengemukakan	(* <i>Lembaga Arkitek Malaysia/Lembaga Jurutera Malaysia</i>)	Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
 - # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaf- taran.*
 - * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 6

PERAKUAN BERPERINGKAT: PERPAIPAN SANITARI DALAMAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja perpaipan sanitari dalaman dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *Pelan yang diluluskan/Pelan yang Didepositkan No. Ruj.:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja perpaipan sanitari dalaman itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred (tukang paip berlesen)	+(_____)	Tarikh:
(b) Orang yang _____ mengemukakan	(*Lembaga Arkitek Malaysia/Lembaga Jurutera Malaysia)	Tarikh:

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + Badan kawal selia yang berkaitan
 - # No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.
 - * Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 7

PERAKUAN BERPERINGKAT: ELEKTRIK DALAMAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja elektrikal dalaman dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja elektrikal dalaman itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred (tukang yang kompeten)	(Suruhanjaya Tenaga)	Tarikh:
(b) Orang yang _____ mengemukakan	(*Lembaga Arkitek Malaysia/Lembaga Jurutera Malaysia)	Tarikh:

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaf-taran.
* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 8

PERAKUAN BERPERINGKAT: MENENTANG KEBAKARAN

(PASIF)

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (pasif) dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *Pelan yang diluluskan/Pelan yang Didepositkan No. Ruj.:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (pasif) itu.

Nama (Perseorangan)

#No. Pendaftaran

Tandatangan

(a) Kontraktor _____
(Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan) _____ Tarikh: _____

(b) **Orang _____
utama yang mengemukakan _____
(*Lembaga Arkitek
Malaysia/Lembaga
Jurutera Malaysia) _____ Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaf-taran.
** Surat Pelepasan daripada Jabatan Bomba Malaysia (kecuali untuk bangunan kediaman yang tidak melebihi ketinggian 18 meter) hendaklah dilampirkan.
* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 9

PERAKUAN BERPERINGKAT: MENENTANG KEBAKARAN

(AKTIF)

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (aktif) dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *Pelan yang diluluskan/Pelan yang Didepositkan No. Ruj.:..... dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja menentang kebakaran (aktif) itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor_____ tred	+ (_____)	Tarikh: _____
(b) **Orang _____ yang mengemukakan	(Lembaga Jurutera Malaysia)	Tarikh: _____

ATAU

- *2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
- # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaf- taran.*
- ** *Surat Pelepasan daripada Jabatan Bomba Malaysia (kecuali untuk bangunan kediaman yang tidak melebihi ketinggian 18 meter) hendaklah dilampirkan.*
- * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 10

PERAKUAN BERPERINGKAT: PENGUDARAAN MEKANIKAL

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

- *1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pengudaraan mekanikal dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pengudaraan mekanikal itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred	+ (_____)	Tarikh: _____
(b) **Orang _____ yang mengemukakan	(Lembaga Jurutera Malaysia)	Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
 - # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.*
 - * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 11

PERAKUAN BERPERINGKAT: PEMASANGAN LIF/ESKALATOR

(AKTIF)

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pemasangan lif/eskelator dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan yang diperakui orang yang mengemukakan dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pemasangan lif/eskelator itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred	+ (_____)	Tarikh: _____
(b) **Orang _____ yang mengemukakan	(Lembaga Jurutera Malaysia)	Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
 - # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaf-taran.*
 - ** *Sijil Kelayakan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia hendaklah dilampirkan*
 - * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 12

PERAKUAN BERPERINGKAT: BANGUNAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja bangunan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *Pelan yang diluluskan No. Ruj.:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja bangunan itu.

Nama (Perseorangan)

#No. Pendaftaran

Tandatangan

(a) Kontraktor_____

*(Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan)*

Tarikh:

(b) Orang _____
utama yang mengemukakan

*(*Lembaga Arkitek
Malaysia/Lembaga
Jurutera Malaysia)*

Tarikh:

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaf-taran.*
- * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 13

PERAKUAN BERPERINGKAT: SISTEM BEKALAN AIR LUARAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan sistem bekalan air luaran dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan sistem bekalan air luaran itu.

Nama (Perseorangan)

#No. Pendaftaran

Tandatangan

(a) Kontraktor _____
tred _____ + (_____) Tarikh: _____

(b) **Orang _____
yang mengemukakan _____ (Lembaga Jurutera
Malaysia) Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

_____ (Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
 - # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.*
 - ** *Surat Pengesahan daripada Pihak Berkuasa Air bahawa bekalan air telah sedia untuk pemasangan hendaklah dilampirkan.*
 - * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 14

PERAKUAN BERPERINGKAT: RETIKULASI PEMBENTUNGAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja retikulasi pembentungan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja retikulasi pembentungan itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred	+ (_____)	Tarikh: _____
(b) **Orang _____ yang mengemukakan <i>(Lembaga Jurutera Malaysia)</i>		Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
 - # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.*
 - ** *Surat Pengesahan daripada *Jabatan Perkhidmatan Pembentungan/Indah Water Consortium hendaklah dilampirkan.*
 - * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 15

PERAKUAN BERPERINGKAT: LOJI RAWATAN PEMBENTUNGAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja loji rawatan pembentungan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja loji rawatan pembentungan itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred	+ (_____)	Tarikh: _____
(b) **Orang _____ yang mengemukakan <i>(Lembaga Jurutera Malaysia)</i>		Tarikh: _____

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
 - # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.*
 - ** *Surat Pengesahan daripada *Jabatan Perkhidmatan Pembentungan/Indah Water Consortium hendaklah dilampirkan.*
 - * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
-

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 16

PERAKUAN BERPERINGKAT: SISTEM BEKALAN ELEKTRIK

LUARAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan sistem bekalan elektrik luaran dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan sistem bekalan elektrik luaran itu.

Nama (Perseorangan)

#No. Pendaftaran

Tandatangan

(a) ^Kontraktor _____
tred
(Orang yang kompeten) _____ (Suruhanjaya Tenaga) _____ Tarikh:

(b) **Orang _____
yang mengemukakan _____ (Lembaga Jurutera
Malaysia) _____ Tarikh:

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.*
- ^ *Tidak berkaitan jika kerja-kerja dijalankan oleh Tenaga Nasional Berhad.*
- ** *Surat Pengesahan daripada Tenaga Nasional Berhad bahawa kuasa elektrik telah sedia untuk pemasangan hendaklah dilampirkan.*
- * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 17

PERAKUAN BERPERINGKAT: JALAN DAN PARIT

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja jalan dan parit dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *Pelan yang diluluskan/Pelan yang Didepositkan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja jalan dan parit itu.

Nama (Perseorangan)

#No. Pendaftaran

Tandatangan

(a) Kontraktor_____

*(Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan)*

Tarikh:

(b) +Orang_____
yang mengemukakan

*(Lembaga Jurutera
Malaysia)*

Tarikh:

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- # No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.
- * Surat Pengesahan daripada *Pihak berkuasa tempatan yang berkaitan/Jabatan Kerja Raya hendaklah dilampirkan. Jika orang yang mengemukakan tidak menerima Surat Pengesahan dalam masa 14 hari dari tarikh permohonan, Surat Pengesahan hendaklah disifatkan telah diberikan.
- * Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 18

PERAKUAN BERPERINGKAT: LAMPU JALAN

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja lampu jalan dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut *Pelan yang diluluskan/Pelan yang Didepositkan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja lampu jalan itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred (Orang yang kompeten)	(Suruhanjaya Tenaga) (Lembaga Jurutera Malaysia)	Tarikh:
(b) *Orang _____ yang mengemukakan		Tarikh:

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 19

PERAKUAN BERPERINGKAT: PARIT LUARAN UTAMA

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja parit luaran utama dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja parit luaran utama itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____	(Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)	Tarikh:
(b) *Orang _____ yang mengemukakan	(Lembaga Jurutera Malaysia)	Tarikh:

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 20

PERAKUAN BERPERINGKAT: TELEKOMUNIKASI

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:.....

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja telekomunikasi dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan/Pelan yang Didepositkan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja telekomunikasi itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
----------------------------	-------------------------	--------------------

(a) Kontraktor _____ tred	+ (_____)	<u>Tarikh:</u> _____
------------------------------	-------------	----------------------

(b) *Orang _____ yang mengemukakan	(Lembaga Jurutera Malaysia)	<u>Tarikh:</u> _____
---------------------------------------	--------------------------------	----------------------

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
- # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.*
- * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1986

BORANG G 21

PERAKUAN BERPERINGKAT: PANDANGAN DARAT

[Undang-Undang Kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek:

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pandangan darat dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut pelan yang diluluskan No. Rujukan:.....dan bahawa kami menerima tanggung-jawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja pandangan darat itu.

<u>Nama (Perseorangan)</u>	<u>#No. Pendaftaran</u>	<u>Tandatangan</u>
(a) Kontraktor _____ tred	+()	Tarikh:
(b) *Arkitek _____ Arkitek Pandangan Darat	+()	Tarikh:

ATAU

*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.

(Orang utama yang mengemukakan)

- + *Badan kawal selia yang berkaitan.*
 - # *No. K.P. jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran.*
 - * *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*
-

Dibuat

[K.T 14/13 Jld. 5(44); PUNJ BIL(PU2) Jld 7(2)]

*Menteri bagi Pihak Berkuasa Persekutuan/
Pihak Berkuasa Negeri*

Hakcipta Pencetak ®

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bantuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2007
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasional.com.my, email.pnmbjb@printnasional.com.my